



# Formula Nabi Yusuf a.s. Tangani Krisis Musim Wabak

Ruzain Syukur Mansor

**B**erdasarkan statistik Sistem Insuran Pekerjaan (SIP) Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) setakat 28 Oktober 2020 seramai 90 470 orang didapati hilang pekerjaan bagi tahun 2020. Situasi ini berlaku akibat daripada pertumbuhan ekonomi yang perlahan kesan wabak COVID-19. Melalui pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula pada 18 Mac 2020 susulan wabak COVID-19 memberikan impak besar kepada lebih 650 000 majikan di Malaysia. Banyak syarikat yang terpaksa gulung tikar dan mencetuskan kesan ekonomi buruk kepada pekerja pelbagai sektor.

Ternyata, wabak ini memberikan kesan terhadap kelangsungan hidup. Jika tidak ditangani dengan serius, situasi ini akan merebak bagaikan barah dan membawa kepada kesan jangka panjang, misalnya peningkatan kadar inflasi, malah menyumbang kenaikan kadar jenayah. Kesempitan hidup akibat

tiada pekerjaan turut memberikan kesan emosi kepada individu.

Hal ini terbukti dengan laporan sebuah akhbar tempatan menyatakan bahawa sebanyak 465 kes cubaan bunuh diri dirujuk kepada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bagi tempoh dari Januari



“Hendaklah kamu menanam bersungguh-sungguh tujuh tahun berturut-turut, kemudian apa yang kamu ketam biarkanlah pada tangkai-tangkainya; kecuali sedikit daripada bahagian yang kamu jadikan untuk makan”.

hingga Jun pada tahun ini. Perbandingan sebanyak 675 kes dalam tempoh sama pada tahun lalu. Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) melaporkan lebih 800 000 orang membunuh diri setiap tahun dengan purata satu kejadian bunuh diri pada setiap 40 saat. Pendedahan tersebut merupakan isyarat krisis ekonomi dalam negara pada akhirnya memberikan kesan terhadap kehidupan individu.

Pada hakikatnya, tidak terjadi sesuatu perkara melainkan dengan ketetapan Allah SWT. Di sebalik setiap musibah, pasti ada hikmah yang tersembunyi untuk difikirkan bagi menguatkan akidah seorang Muslim. Allah berfirman yang bermaksud, “Tidak ada kesusahan (atau bala bencana) yang menimpa (seseorang) melainkan dengan izin Allah; dan sesiapa yang beriman kepada Allah, Dia akan memimpin hatinya (untuk menerima apa yang telah berlaku itu dengan tenang dan sabar); dan (ingatlah), Allah Maha Mengetahui akan tiap-tiap sesuatu.” (*Surah al-Taghabun* 64:11).

Namun demikian, kita tidak sepatutnya berpeluk tubuh menanti virus terus menggila tanpa usaha penyelesaian. Dalam konteks menangani wabak dari sudut ekonomi, hal ini memerlukan strategi

komprehensif jangka masa panjang.

### Strategi Nabi Yusuf a.s mengurus ekonomi pada zaman krisis

Nabi Yusuf a.s. memperagakan satu model pengurusan ekonomi yang sesuai diaplikasikan ketika musim krisis. Kaedah ini diperlihatkan ketika Nabi Yusuf a.s. menyelesaikan krisis ekonomi dan kemarau yang melanda Mesir ketika itu. Allah berfirman yang bermaksud, “(Setelah dia berjumpa dengan Yusuf, berkatalah dia): “Yusuf, wahai orang yang benar (pada segala-galanya)! Tafsirkanlah kepada kami (seorang bermimpi melihat): Tujuh ekor lembu yang gemuk dimakan oleh tujuh ekor lembu yang kurus; dan tujuh tangkai (biji-bijian) yang hijau serta tujuh tangkai lagi yang kering; (tafsirkanlah) supaya aku kembali kepada orang yang mengutusku itu, semoga mereka dapat mengetahui tafsirannya. Yusuf menjawab: “Hendaklah kamu menanam bersungguh-sungguh tujuh tahun berturut-turut, kemudian apa yang kamu ketam biarkanlah pada tangkai-tangkainya; kecuali sedikit daripada bahagian yang kamu jadikan untuk makan. “Kemudian akan datang selepas tempoh itu, tujuh tahun kemarau yang



besar, yang akan menghabiskan makanan yang kamu sediakan baginya; kecuali sedikit daripada apa-apa yang kamu simpan (untuk dijadikan benih). “Kemudian akan datang pula sesudah itu tahun yang padanya orang ramai beroleh rahmat hujan, dan padanya mereka dapat memerah (hasil anggur, zaitun dan sebagainya).” (*Surah Yusuf* :46-49).

Kisah ini merupakan tafsiran mimpi yang dibuat oleh Nabi Yusuf a.s. terhadap mimpi yang dialami oleh Raja Mesir pada ketika itu. Kejayaan Mesir berhadapan dengan krisis kemarau panjang merupakan idea Nabi Yusuf a.s. yang kemudiannya dilantik menjadi Menteri Kewangan Mesir.

Melalui kisah yang terdapat dalam surah ini, strategi dimulakan dengan didikan terhadap masyarakat supaya mengamalkan amalan menyimpan dahulu sebelum berbelanja. Menerusi maksud ayat “Hendaklah kamu menanam bersungguh-sungguh tujuh tahun berturut-turut” dalam ayat 47 itu, matlamat diletakkan melalui usaha bersungguh-sungguh selama tujuh tahun sebagai persediaan menghadapi bencana. Setiap perancangan memerlukan strategi pelaksanaan dari segi masa dengan mengambil kira kesesuaian dan kemampuan pelaksana.

Demikian juga yang dimaksudkan dengan kedatangan musim menuai, jangan semua dituai dijadikan makanan, tetapi harus disimpan sebahagian di dalam gudang. Nabi Yusuf a.s. turut mengingatkan rakyat Mesir agar mengekalkan kesegaran gandum yang disimpan di dalam

gudang dengan tidak membuang kulit beserta tangkainya agar gandum tersebut kekal segar untuk digunakan semasa tempoh kemarau.

Seterusnya, Nabi Yusuf a.s. mengutarakan formula mengutamakan perkara yang lebih utama dalam tindakan. Simbolik lembu sebagai kenderaan dan juga tangkai gandum sebagai makna pertanian dirujuk oleh Nabi Yusuf a.s. untuk mentafsirkan mimpi Raja Mesir. Dalam hal ini, baginda melihat pertanian terlebih dahulu perlu diutamakan berbanding dengan penggunaan kenderaan.

### Strategi mengawal ekonomi musim krisis gaya Malaysia

Jika ditelusuri, strategi simpan sebelum guna yang diformulakan oleh Nabi Yusuf a.s. suatu yang menarik untuk diamalkan. Bagi pekerja yang mencarum dalam Skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) misalnya telah mengamalkan amalan menabung untuk hari persaraan. Semua menyedari kepentingan KWSP sebagai simpanan jangka masa panjang dan hanya boleh dikeluarkan sebagai langkah terakhir apabila segala dana lain sudah habis digunakan.

Terbaharu, walaupun pengeluaran melalui akaun 1 dan 2 dengan inisiatif i-Sinar dan i-Lestari KWSP dibenarkan oleh kerajaan, namun pertimbangan sedalam-dalamnya wajar dibuat oleh pencarum demi menjaga benteng simpanan untuk masa hadapan. Langkah kawalan harus juga diamalkan agar simpanan jangka masa panjang masih berbaki untuk masa tua.

Seandainya pengeluaran simpanan terpaksa dibuat, pastikan hal tersebut dibuat dengan perancangan rapi. Ada pakar menyebut moratorium yang diberikan oleh bank sepatutnya digunakan untuk membayar “hutang jahat” seperti kad kredit dan hutang pinjaman peribadi. Sebahagian pula digunakan untuk simpanan luar jangka ataupun boleh digunakan bagi tujuan pelaburan sekiranya individu tersebut berpengetahuan dalam aspek untung rugi melabur dalam institusi yang dipercayai.

Kaedah ini juga mengaplikasikan formula Nabi Yusuf a.s. untuk berbelanja pada musim bencana, iaitu belanja dengan berhema, simpan sebahagian daripadanya. Hasil simpanan moratorium yang diperoleh pula boleh digunakan pada waktu yang perlu terutamanya bagi menghadapi hari-hari sukar akibat sumber pendapatan yang terjejas.

Sememangnya, inilah masa yang tepat bagi individu untuk menyemak dan menyusun semula perancangan, komitmen kewangan dan aliran tunai. Hal ini bermaksud, struktur perbelanjaan disusun mengikut keutamaan dan keperluan utama. Tiada lagi perbelanjaan berasaskan kemahuan yang tidak terkawal. Pembelian yang berunsur kemewahan, seperti menukar kereta, membeli telefon bimbit berjenama, menambah hutang baharu dan membeli barang kemas harus dilupakan buat seketika. Fokus utama yang perlu didahulukan ialah keperluan makanan, alatan komunikasi, data Internet berkelajuan tinggi dan talian Internet untuk pembelajaran secara dalam talian.



Walaupun pengeluaran melalui akaun 1 dan 2 dengan inisiatif i-Sinar dan i-Lestari KWSP dibenarkan oleh kerajaan, namun pertimbangan sedalam-dalamnya wajar dibuat oleh pencarum demi menjaga benteng simpanan untuk masa hadapan.

Bagi yang terkesan akibat diberhentikan kerja, inilah masa yang baik untuk meneroka perniagaan dari rumah melalui aplikasi digital ataupun secara dalam talian. Pemasaran produk secara dalam talian tidak memerlukan peniaga menyediakan kedai fizikal untuk memulakan operasi. Yang penting ialah ilmu digital dan kemahiran pemasaran, serta produk yang bagus untuk dipasarkan. Ingatkan kita pembawa makanan bermotor memperaga jualan makanan ketika bazar Ramadan tidak dapat beroperasi dahulu? Mereka menjadi tulang belakang kepada peniaga makanan yang tidak dapat berniaga di bazar dan pasar makanan. Pertumbuhan ekonomi kini mula berevolusi di sebalik pandemik dan krisis yang tidak dijangka ini. Apatah lagi dengan graduan yang baru menamatkan pengajian dan mencari-cari peluang kerjaya. Suburkanlah kemahiran yang ada untuk dimanfaatkan kepada masyarakat.

Menurut Menteri Kewangan, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz, ketika menyampaikan ucapan pada majlis perasmian karnival digital di majlis pelancaran maya yang disiarkan secara langsung melalui saluran youtube dan laman facebook rasmi Minggu Saham Digital (MSD), kadar perbelanjaan secara dalam talian di Malaysia meningkat 34.5 peratus antara Oktober hingga November 2020 berbanding dengan -3.4 peratus antara Mac hingga Mei 2020. Hal ini sekali gus menandakan usaha pendigitalan membuahkan hasil yang memberangsangkan. Inilah

antara norma baharu, khususnya bagi yang terkesan dengan pandemik ini.

Selain itu, institusi kewangan sosial, seperti zakat, wakaf dan sedekah melalui tabung bantuan boleh dimanfaatkan sepenuhnya. Inilah masa bagi yang berkemampuan menghulurkan bantuan kepada yang memerlukan. Wakaf tunai harus diperkasakan. Malah, agihan zakat memerlukan dana yang berlipat kali ganda. Laporan sebuah akhbar menyebut Tabung Musa'adah COVID-19 2.0, inisiatif kerjasama antara Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dengan Yayasan Wakaf Malaysia (YWM), menasarkankan kutipan dana RM10 juta bagi membantu golongan yang terjejas ekoran pandemik.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Ahmad Marzuk Shaary berkata, ketika dilancarkan sewaktu Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada Mac 2020 yang lalu, tabung itu berjaya mengumpul sekitar RM4.8 juta. Sebanyak 80 peratus daripada jumlah yang dikumpulkan dalam tabung tersebut sudah diagihkan di seluruh negara tanpa mengira bangsa dan agama.

Sememangnya, di sebalik datangnya pandemik dan krisis, ada hikmah yang tidak dapat dijangka dengan akal. Namun begitu, di sebalik kesukaran pasti ada kemudahan yang diilhamkan oleh Allah SWT kepada hamba-Nya yang ingin berjaya. Yang penting ialah kemahuan untuk memajukan diri serta berusaha membebaskan diri daripada kepompong kesusahan. ●